

PEPENDANG TIMUR
Oriental Darter

FAMILI: Anhingidae
NAMA SAINTIFIK: *Anhinga melanogaster*

CIRI-CIRI

Semasa luar musim pembiakan, individu dewasa kelihatan seperti pependang tetapi boleh dibezakan melalui paruh yang panjang, tirus dan tajam. Lehernya panjang dan kurus manakala ekor adalah panjang secara relatif. Bahagian kepala, leher dan bahu berwarna coklat gelap dengan tekak yang pudar dan jalur putih yang panjang bermula dari mata hingga ke tepi leher. Bahagian belakang badan dan sayap mempunyai jalur-jalur berwarna putih. Semasa musim pembiakan pula, bahagian atas kepala, belakang leher dan bahu berwarna kehitaman manakala leher depan lebih kecoklatan.

SAIZ

Panjang keseluruhan bagi individu dewasa ialah 85-97 sm.

MAKANAN

Dietnya utamanya terdiri daripada ikan.

HABITAT

Di tasik, paya, sungai yang besar sehingga ke ketinggian 1,200 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini mengeluarkan bunyi *uk ukukukuk-errr uk-uk* atau *ok ok ok ok ukukukukuk-errrerr-rerr-rer-ruh* yang dikeluarkan daripada rongga hidung.

TABIAT

Spesies ini biasanya berenang di kawasan yang terbuka. Kadangkala, ia menyelam dan hanya bahagian kepala dapat dilihat.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah di antara bulan Jun-Mac. Individu betina boleh menghasilkan 3-6 biji telur berwarna biru kehijauan pudar. Sarangnya berbentuk platform yang kasar dan dibina pada pokok.